

Selesaikan.

- a) Wang simpanan dalam akaun Encik Kamil berjumlah RM210 543.90. Dia mengeluarkan RM7 300 untuk membeli peralatan elektrik. Kemudian, dia menandatangani sekeping cek bernilai RM10 439 ke dalam akaunnya?
Berapakah wang simpanan dalam akaunnya sekarang?

- b) Kedai Elektrik Canggih telah membeli 40 buah kamera digital dengan jumlah harga RM155 520. Kedai Gajet Muroh pula membeli 12 buah kamera yang sama.
Berapakah wang yang dibayar oleh Kedai Gajet Muroh?

- c) Wang simpanan tiga orang rakan ialah RM200 000. Wang simpanan Melvin adalah sebanyak RM113 210. Wang Anusha adalah separuh daripada wang Sarah.
Kira wang simpanan Anusha.

- d) Encik Wan mempunyai RM150 450. $\frac{1}{5}$ daripada wangnya digunakan untuk membeli sebuah kereta dan $\frac{1}{6}$ daripada baki wang itu dilaburkan dalam amanah saham.
Berapakah baki akhir wang Encik Wan?